

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	16 APRIL 2016

Media barat perlu minta maaf kepada rakyat Malaysia

# Dr. M kena bertanggungjawab

UM-16/4/2016

Oleh KAMIL MASLIH  
pengarang@utusan.com

■ PUTRAJAYA 15 APRIL

**K**ENYATAAN Menteri Luar Arab Saudi, Adel al-Jubeir yang mengesahkan sumbangan derma RM2.6 bilion kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak telah membuktikan 'serangan-serangan' daripada bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad serta pakatan pembangkang merupakan tuduhan liar dan palsu.

Setiausaha Akhbar Perdana Menteri, Datuk Tengku Sariffuddin Tengku Ahmad berkata, Dr. Mahathir sewajarnya bertanggungjawab terhadap kerosakan yang dilakukan terhadap imej negara dan media-media barat juga perlu meminta maaf kepada seluruh rakyat Malaysia kerana membenarkan diri mereka diperalatkan.

"Pembohongan daripada Tun Dr. Mahathir adalah didorong kepentingan peribadi, ia bukan untuk



**TUN DR. MAHATHIR MOHAMAD**



**TENGGU SARIFFUDDIN TENGKU AHMAD**

Malaysia atau rakyat. Apa yang dilakukan adalah penipuan untuk menjatuhkan sebuah kerajaan yang dipilih secara demokratik dan menyelamatkan karier politik anaknya, Datuk Seri Mukhriz Mahathir.

"Media-media barat yang membenarkan diri mereka diperalatkan untuk mempropagandakan tuduhan palsu ini perlu meminta maaf kepada rakyat Malaysia dan Tun Dr. Mahathir juga perlu bertanggungjawab ke atas kerosakan reputasi Malaysia," katanya dalam satu

kenyataan di sini hari ini.

Menteri Luar Arab Saudi yang bercakap kepada wartawan Malaysia di Instambul semalam mengesahkan sumbangan derma RM2.6 bilion daripada keluarga diraja Arab Saudi yang masuk ke dalam akaun peribadi Perdana Menteri adalah tulen tanpa mengharapkan apa-apa balasan daripadanya.

Adel al-Jubeir juga mengambil maklum kes berkenaan ditutup dengan Peguam Negara, Tan Sri Apandi Ali telah meneliti secara terperinci



Media-media barat yang membenarkan diri mereka diperalatkan untuk mempropagandakan tuduhan palsu ini perlu meminta maaf kepada rakyat Malaysia dan Tun Dr. Mahathir juga perlu bertanggungjawab ke atas kerosakan reputasi Malaysia".

**TENGGU SARIFFUDDIN TENGKU AHMAD**  
Setiausaha Akhbar Perdana Menteri

perkara tersebut dan mendapati tidak ada sebarang salah laku.

Menurut Tengku Sariffuddin, kenyataan Menteri Luar Arab Saudi itu mengesahkan apa yang dinyatakan oleh Perdana Menteri selama ini dan hasil siasatan pihak berkuasa yang menyimpulkan dana itu merupakan sumbangan derma dari Arab Saudi.

"Ini sekali gus membuktikan pelbagai tuduhan liar yang dilemparkan sepanjang setahun ini oleh Tun Dr. Mahathir dan kempen anti-Najib adalah tidak benar," katanya.